

Pusat dialisis RM1.2 juta dibina di Rawang

PETALING JAYA: Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF Malaysia) bekerjasama dengan dua pertubuhan bukan kerajaan, The Temple of Fine Arts Malaysia dan Yayasan Shivanjali untuk menubuhkan pusat dialisis baharu di Sungai Bakau, Rawang bernilai RM1.2 juta.

Pusat tersebut yang dikenali sebagai Pusat Dialisis NKF-Siva Santa bakal memiliki 10 mesin dialisis bagi menampung tiga syif sehari, enam hari seminggu, untuk kira-kira 60 pesakit. Satu memorandum persefahaman (MoU) telah ditandatangani baru-baru ini antara ketiga-tiga pertubuhan bukan bermatlamat keuntungan itu.

Ketua Pegawai Eksekutif NKF Malaysia, Khor Xin Yun berkata, ia adalah kemudahan dialysis pertama NKF di Rawang dan NKF amat berterima kasih dapat menjadi sebahagian daripada usaha sama ini dengan The Temple of Fine Arts Malaysia dan Yayasan Shivanjali.

“Mereka adalah rakan kongsi yang tepat untuk kerjasama ini kerana misi mereka adalah untuk memberi khidmat kepada masyarakat yang kurang bernasib baik, selaras dengan usaha NKF untuk meningkatkan taraf penjagaan yang diberikan kepada pesakit yang mengalami kegagalan buah pinggang dan mereka yang menghidap pelbagai penyakit berkaitan buah pinggang.

“Pusat dialisis baharu itu akan beroperasi dari 7 pagi hingga 9 malam pada Isnin hingga Sabtu dan akan menyediakan penjagaan dialisis standard kepada pesakit, memastikan hasil yang terbaik dengan penjadualan yang mudah serta kakitangan yang berdedikasi,” katanya dalam kenyataan.